

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MENJANA TRANSFORMASI AQLIYAH 20

23 Disember 2015

Anjuran Fakulti Sains dan Me'kal



UiTM Transformation
Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KOSISWA PEMANGKIN BUDAYA KEUSAHAWANAN PELAJAR

Oleh: Raymond Bantin

Koperasi Siswa UiTM Sarawak Berhad (KOSISWA) merupakan salah satu unit perniagaan yang ditubuhkan di bawah naungan MASMED UiTM Sarawak. KOSISWA bergerak aktif untuk menyemarakkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar UiTM Sarawak. KOSISWA UiTM Sarawak telah ditubuhkan pada 23 Jun 2012 atas nasihat dan bimbingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan juga Maktab Koperasi Malaysia (MKM) cawangan Sarawak.

Sebagai salah satu unit kecil di bawah MASMED UiTM Sarawak, KOSISWA cuba memainkan peranannya menyemai benih-benih keusahawanan di kalangan pelajar di UiTM Sarawak tanpa mengira apa jua disiplin pengajian mereka. Ini adalah kerana nilai serta minat dalam perniagaan ini boleh disemai secara perlahan-lahan dengan memberikan mereka pendedahan dalam perniagaan di peringkat universiti walaupun secara kecil-kecilan. Justeru itu, *Siswa Synergy Shop* telah diwujudkan selepas setahun KOSISWA ditubuhkan dengan modal pusingan serta yuran dari ahlinya. Dari sini juga, KOSISWA memberi peluang kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda untuk mengasah bakat mereka dalam dunia perniagaan walaupun hanya di dalam kampus. Penglibatan dalam menjadikan *Siswa Synergy Shop* ini juga telah dipanjangkan kepada pelajar-pelajar peringkat diploma yang bukan sahaja sebagai ahli koperasi tetapi juga sebagai AJK Ad-Hoc yang berperanan untuk membantu membuat promosi serta melibatkan diri secara terus dengan aktiviti jualan.

Dalam usaha untuk memupuk minat keusahawanan di kalangan pelajar di UiTM Sarawak ini, KOSISWA juga telah mengadakan kerjasama yang erat dengan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) cawangan Sarawak dan ANGKASA untuk menganjurkan beberapa aktiviti dan

juga memberikan latihan kepada ahli KOSISWA. Antara program yang telah diadakan adalah sepanjang tahun 2012-2015 adalah berikut:

- Seminar Peluang Perniagaan di IPT Anjuran Kosiswa Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad Dengan Kerjasama Angkasa
- Kursus Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi Peringkat Zon Sarawak
- Kursus Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung
- Program Bicara Esekutif Bertemakan Memperkasa Kesedaran Berkoperasi
- Bengkel Baja Organik
- Bengkel Asas Pembuatan Coklat
- Pengurusan Pasar Mini Anjuran Bersama MKM (Sarawak)
- Seminar Jaringan Kerjasama Strategik "Ke Arah Peningkatan Keberhasilan Koperasi"

Manakala aktiviti perniagaan yang dianjurkan oleh KOSISWA UiTM Sarawak ialah Bazaar Siswa yang telah diadakan sebagai empat kali sejak tahun 2012. Penglibatan pelajar yang menyertai KOSISWA dapat memberikan pelbagai manfaat dan faedah. Contohnya mereka dapat mendalami perkara asas mengenai perniagaan dan koperasi serta mendapat ilmu pengetahuan dari segi teori, pratikal dan pengalaman yang berharga. Selain daripada itu para pelajar juga berpeluang menyertai kursus yang disediakan serta mendapat sijil penyertaan dan menjana pendapatan melalui dividen. Aktiviti tersebut diuruskan sepenuhnya oleh ahli KOSISWA dengan pemantauan oleh penasihat KOSISWA iaitu Dr Jati Kasuma Ali.

KOSISWA berharap lebih ramai pelajar akan menjadi ahli kepada koperasi tersebut di masa hadapan demi melahirkan lebih ramai usahawan daripada kalangan pelajar yang bakal bergraduasi.

ZERO TO HERO KARNIVAL KEUSAHAWANAN ANJURAN MASMED

Oleh: Zainon binti Haji Bibi



Di antara aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang karnival berlangsung

Bermula 31 Julai 2015 sehingga 2 Ogos 2015, MASMED (Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship) telah menganjurkan Karnival Keusahawan 2015 bertemakan "Zero to Hero" yang bertempat di Dewan Jubli, Pusat Pelajar dan Parking A, Kampus 1, UiTM Sarawak. Program ini memberi peluang kepada pelajar, khususnya yang ingin menceburi bidang keusahawanan dengan menceburkan diri di dalam perniagaan secara kecil-kecilan sepanjang karnival berlangsung.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan memupuk minat para pelajar tentang perniagaan dan membuka minda mereka tentang peluang aktiviti keusahawanan yang boleh diceburi. Program ini mampu memberi pengalaman berharga kepada pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Pelbagai aktiviti telah disediakan bagi memeriahkan karnival di samping mengeratkan hubungan sesama warga UiTM. Di antara aktiviti-aktiviti yang berlangsung adalah *Registration for Nikon Photo Club*, *Nikon Products & Promo Session*, *Mini Games*, *Exposure Workshop*, *Photo Challenge*, *Pertandingan RekaCipta (Terbuka)*, *Senam Tari Challenge*, *Composition and The Art of Seeing Workshop*, dan banyak lagi.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my